



HUBUNGAN MINAT DAN SIKAP TERHADAP KURSUS ARABIC FOR MUAMALAT (AFM) DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH, SELANGOR

[RELATIONSHIP BETWEEN INTERESTS AND ATTITUDES TOWARDS ARABIC FOR MUAMALAT (AFM) COURSES AT POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH, SELANGOR]

NOORWATI MOHD DAWAM,¹ ABU ZARRIN SELAMAT,² HAFIZUL FAHRI HANAFI³
& RAHIMAH HALIM¹

¹ Department of General Studies, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Lang, 45100 Sungai Ayer Tawar, Selangor, MALAYSIA.

² Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

³ Faculty of Art, Computing and Industry Creative, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.

Corresponding Author: zarrin@fsk.upsi.edu.my

Received: 30 April 2021

Accepted: 20 Mei 2021

Published: 8 Ogos 2021

Abstrak: Tahap pemahaman pelajar menjadi mantap dengan adanya minat yang mendalam terhadap kursus yang di pelajarinya. Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan minat dan sikap pelajar terhadap kursus Arabic For Muamalat (AFM). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 75 orang pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Sultan Idris Shah. Analisis statistik deskriptif dan inferensi digunakan ke atas data yang dikumpul dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistik 24.0. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara minat dan sikap pelajar terhadap kursus AFM dengan nilai pekali kolerasi Pearson (r) yang diperolehi ialah .764 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah kuat. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti yang dapat menarik minat dan kecenderungan pelajar terdapat kursus yang dipelajari.

Kata kunci: Minat, sikap dan Arabic for Muamalat (AFM)

Abstract: The level of understanding of students becomes strong with a deep interest in the course studied. This study aims to identify the relationship between students' interests and attitudes towards the Arabic for Muamalat course. This study uses a quantitative approach involving 75 students of the Diploma in Islamic Finance and Banking at the Sultan Idris Shah Polytechnic. Descriptive and inferential statistical analysis was applied to the data collected using IBM SPSS Statistics 24.0 software. The results show that there is a significant positive relationship between students' interest and attitude towards the Arabic for Muamalat course with the value of Pearson correlation coefficient (r) obtained is .764 and this means that the relationship is strong. Therefore, the results of this study are expected to help lecturers in the teaching and learning process through activities that can attract the interest and inclination of students there are courses studied.

Keywords: Interest, attitude and Arabic for Muamalat (AFM).

Cite This Article:

Noorwati Mohd Dawam, Abu Zarrin Selamat, Hafizul Fahri Hanafi & Rahimah Halim. (2021). Hubungan minat dan sikap terhadap kursus Arabic for Muamalat (AFM) di Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor [Relationship between interests and attitudes towards Arabic for Muamalat (AFM) courses at Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 42-48.

PENGENALAN

Kejayaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah semata-mata terletak pada kurikulum, kaedah pengajaran dan kecekapan pensyarah sahaja, bahkan sikap dan kepedulian pelajar terhadap kursus yang dipelajari memainkan peranan yang paling penting. Minat dan sikap merupakan dua perkara berbeza. Minat lahir daripada perasaan dalaman yang mungkin boleh mempengaruhi pergerakan dan mengubah sikap seseorang. Menurut kamus Dewan dan Bahasa edisi keempat (2010), minat ialah keinginan (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu.

Sikap pula adalah amalan yang dapat dilihat secara jelas yang lahir atau dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti minat, kecenderungan, kepercayaan, kesedaran dan cara berfikir. Biasanya sikap dan amalan seseorang mempunyai kaitan yang rapat dengan minat dan kecenderungannya (Ab. Halim & Wan Muhammad, 2016). Faktor utama kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran juga bergantung kepada sikap pelajar sama ada positif atau negatif terhadap subjek yang dipelajari. Pelajar yang tidak minat terhadap subjek yang diajar ditambah pula dengan tujuan pembelajaran yang tidak jelas sudah tentu tidak dapat membuatkan hasilkan hasil yang positif.

Untuk mencapai tahap penguasaan subjek yang baik, para pelajar sepatutnya menunjukkan sikap dan minat yang selari dengan kursus yang dipelajari seperti contoh kursus bahasa Arab: suka membaca akhbar Arab, mendengar berita-berita Arab dan mengakses maklumat Arab melalui internet. Selain dari itu, pelajar juga harus mempraktikkan penggunaan kalimah Arab dalam konteks kehidupan mereka sebagai pelajar seperti di bilik kuliah, di luar bilik kuliah, di asrama, di kantin dan sebagainya.

Sikap pelajar terhadap subjek *AFM* penting dalam menentukan kejayaan mereka. Sikap menyalahkan pensyarah dengan pendekatan yang digunakan haruslah dielakkan sebaliknya mengambil kira sikap pelajar terhadap subjek yang dipelajarinya.

LATAR BELAKANG MASALAH

Bermula tahun 2014, kursus Bahasa Arab di perkenalkan di politeknik seluruh Malaysia khusus untuk pelajar di Jabatan Perdagangan yang dikenali sebagai *AFM* bagi pelajar jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Pelajar perlu mengambil kursus ini semasa tahun pertama, semester satu. Kursus tersebut diperuntukkan dengan dua jam kredit yang menyamai tiga jam pertemuan seminggu.

Pelajar yang mengikuti kursus *AFM* di politeknik terdiri daripada pelajar yang berbeza latar belakang pengalaman pembelajaran bahasa Arab mereka. Sebahagian mereka telah mempelajarinya dalam sistem pendidikan peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Namun terdapat juga pelajar yang baru pertama kali mempelajarinya di politeknik. Teori *causal attributional* menjelaskan, perbezaan personaliti dan persekitaran seperti kepercayaan

terdahulu, pengetahuan serta perbezaan individu mempengaruhi persepsi seseorang pelajar untuk berjaya dan sikapnya terhadap pembelajaran (Zaliza & Zaitul, 2013). Oleh itu, kepelbagaiannya latar belakang dijangka mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran *AFM* di PSIS.

Kebanyakan kajian-kajian lepas yang dijalankan lebih menjurus kepada minat dan sikap pelajar terhadap pencapaian dalam sesuatu kursus, namun kajian berkaitan dengan minat dan sikap pelajar terhadap kursus itu sendiri belum pernah dilaksanakan, khususnya kajian berkaitan kursus *AFM*.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengetahui tahap minat pelajar terhadap kursus *Arabic for Muamalat (AFM)* di Politeknik Sultan Idris Shah
2. Mengetahui tahap sikap pelajar terhadap kursus *Arabic for Muamalat (AFM)* di Politeknik Sultan Idris Shah.
3. Mengenal pasti hubungan minat dengan sikap pelajar terhadap kursus *Arabic For Muamalat (AFM)* di Politeknik Sultan Idris Shah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan set soal selidik yang meliputi latar belakang responden, minat pelajar dan sikap pelajar terhadap kursus *AFM*. Sampel kajian yang telah dipilih adalah seramai 75 orang dalam kalangan pelajar semester satu di Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Air Tawar, Selangor.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Profil Responden

Item	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	21	28%
Perempuan	54	72%
Kelas		
DIB 1A	20	26.7%
DIB 1B	28	37.3%
DIB 1C	27	36%
Jumlah Keseluruhan	75	100%

Jadual 1 menunjukkan profil responden di mana seramai 21 orang pelajar lelaki (28%) adalah terdiri dari kalangan pelajar lelaki, manakala 54 orang (72%) adalah dalam kalangan pelajar perempuan. Merujuk kepada pembahagian kelas, 20 orang (26.7%) dari kumpulan DIB 1A, 28 orang (37.3%) dari kumpulan DIB 1B dan selebihnya 27 (36%) orang dari kelas DIB 1C.

Jadual 2 Tahap minat pelajar terhadap kursus *AFM*

	Tahap	Kekerapan	Peratus
Valid	Rendah	4	5.3
	Sederhana	21	28.0
	Tinggi	50	66.7
Jumlah		75	100.0

Jadual 2 di atas menunjukkan tahap minat pelajar terhadap kursus *Arabic For Muamalat*. Jadual di atas menunjukkan 4 responden (5.3%) berada pada skor minat yang rendah, 21 responden (28%) berada pada skor sederhana dan 50 responden (66.7%) berada pada skor yang tinggi.

Jadual 3: Tahap Sikap pelajar terhadap kursus *AFM*

	Tahap	Kekerapan	Peratus
Valid	Rendah	3	4.0
	Sederhana	9	12.0
	Tinggi	63	84.0
Jumlah		75	100.0

Jadual 3 di atas menggambarkan berkenaan tahap sikap pelajar terhadap kursus *AFM* yang mana terdapat 3 responden (4%) berada pada skor sikap yang rendah, 9 responden (12%) berada pada skor sederhana dan 63 responden (84%) berada pada skor yang tinggi. Maka dengan ini data menunjukkan majoriti pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap kursus *AFM*.

Jadual 4: Hubungan Antara Minat Dan Sikap Pelajar Dalam kursus *AFM*

Minat	Sikap	
	Korelasi Pearson (r)	.764
	Sig. (p)	0.00
	N	75

* signifikan pada aras $p < 0.01$

Hasil analisis memperlihatkan bahawa hubungan antara minat dan sikap pelajar dalam kursus *AFM* di dalam jadual 4 menunjukkan nilai $p = 0.000$ iaitu kurang daripada nilai $a = 0.01$. Justeru itu, hipotesis nol ditolak. Hal ini menunjukkan ada hubungan yang signifikan antara

minat dan sikap pelajar dalam kursus *AFM*. Nilai pekali kolerasi Pearson (*r*) yang diperolehi ialah .764 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah kuat.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan dari kajian ini, analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dan sikap pelajar dalam kursus *AFM*. Nilai pekali kolerasi Pearson (*r*) yang diperolehi ialah .764 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah kuat. Maka kajian ini membuktikan bahawa semakin tinggi minat seseorang pelajar terhadap kursus *AFM* maka semakin positif sikap yang di tunjukkan. Hasil ini menyokong penemuan kajian Suharyat (2012) yang bertajuk “Hubungan Antara Sikap, Minat dan Perilaku Manusia”. Di dalam penulisannya beliau menyatakan bahawa, minat seseorang individu manusia itu berkemampuan mempengaruhi tindak tanduk dan perilaku ke arah yang lebih positif atau negatif. Beliau menyatakan:

“Sikap mempengaruhi perilaku lewat suatu proses pengambilan keputusan yang teliti dan beralasan dan berdampak sebagai berikut: 1) Perilaku tidak banyak ditentukan oleh sikap umum tapi oleh sikap yang spesifik terhadap sesuatu. 2) Perilaku dipengaruhi tidak hanya oleh sikap tetapi juga oleh norma-norma subjektif yaitu keyakinan kita mengenai apa yang orang lain inginkan agar kita perbuat. 3) Sikap terhadap suatu perilaku bersama norma-norma subjektif membentuk suatu intensi atau niat untuk berperilaku tertentu”. (Suharyat, 2012).

Bertepatan dengan itu, dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian yang telah dilaksanakan pada tahun 2013 oleh Mulyana, Hidayat dan Sholih (2013). Penemuan mengenai hubungan antara persepsi, minat dan sikap siswa dengan hasil belajar siswa dalam pembelajaran PKn ini adalah selaras dengan hasil penemuan di dalam kajian ini.

Selain daripada itu kajian ini turut selari dengan kajian-kajian terdahulu dari Barat seperti Crano dan Prislin (1995), Flowerday dan Shell (2015) dan Johnson, Siegel dan Crano (2014). Ketiga-tiga kajian dari Barat ini berpandangan bahawa minat dan sikap manusia adalah dua pembolehubah yang saling berkait di antara satu sama lain. Maka dengan itu ia bertepatan dengan penemuan kajian ini yang menyatakan bahawa minat pelajar terhadap kursus *AFM* berhubung kait dengan sikap mereka itu sendiri.

Menurut Ab. Halim Mohamad (2009) dalam kajian beliau menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor berkaitan dengan sikap pelajar yang menyebabkan mereka masih tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Antaranya ialah malu untuk bercakap dengan menggunakan bahasa Arab, merasa rendah diri, tidak yakin kepada diri sendiri, takut diketawakan kawan, takut disindir kawan, tidak bersemangat berkomunikasi dalam bahasa Arab dan takut tersilap menggunakan bahasa Arab.

Berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan juga, dapat difahami bahawa kepentingan untuk membuat lebih banyak kajian supaya pensyarah dapat mengetahui hubung kait antara minat dan sikap pelajar serta potensi pelajar yang telah mempelajari ilmu berkaitan dengan bahasa Arab seperti yang dinyatakan dalam kajian Azman Che Mat (2013) dan Ismail Muhamad (2013). Malah, melalui kajian yang dilakukan juga, tindakan segera untuk

menambahkan kefahaman pelajar dalam subjek ini boleh dilakukan dan bukan hanya sekadar memenuhi keperluan untuk menamatkan pengajian mereka sahaja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara minat dan sikap pelajar dalam kursus *AFM* di PSIS. Malah hubungan antara keduanya dapat dilihat berdasarkan hasil dapatan daripada responden berkaitan dengan sikap dan minat pelajar sepanjang mengikuti kursus ini. Sekiranya pelajar meminati subjek *AFM*, maka sikap yang ditunjukkan oleh mereka adalah lebih positif dan mempunyai daya usaha yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang kurang mempunyai minat dalam subjek ini.

Pelajar juga perlu mengambil inisiatif sendiri dengan mempelbagaikan strategi pembelajaran yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab dalam subjek *AFM*. Namun, pensyarah juga perlu mengambil pendekatan dengan menyampaikan ilmu mengikut tahap kemampuan pelajar. Selain itu, kelemahan pelajar untuk menguasai sesuatu bahasa asing seperti bahasa Arab bukanlah merupakan kelemahan penyampaian sesi pembelajaran daripada pensyarah semata-mata, tetapi ia juga adalah merupakan hasil daripada sikap dan minat pelajar itu sendiri untuk menguasai sesuatu bahasa.

RUJUKAN

- Ab.Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong (2016). Minat Dan Sikap Pelajar Bachelor Bahasa Arab Di IPTA Malaysia Terhadap Bahasa Arab. *Jurnal Al-ANWAR* 1(1), 21-37
- Azman Che Mat. (2013). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab di IPTA. *Academia Journal UITM* 2(2), 61-67
- Fazlina Abd Rahiman & Aniza Suriati Abdul Shukor. (2017). Hubungan minat dan sikap terhadap pencapaian pelajar dalam kursus DPA3034-Auditing. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*.
- Flowerday, T., & Shell, D. F. (2015). Disentangling The Effects Of Interest And Choice On Learning, Engagement, And Attitude. *Learning and Individual Differences*, 40, 134-140.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran
- Ismail Muhammad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Aziman Che Mat (2013). Sikap Dan Realiti Kemahiran Bahasa Arab Terhadap Pelajar Program j-QAF. *Gema Online® Journal of Language Studies*, 81-92.
- Johnson, I. M., Siegel, J. T., & Crano, W. D. (2014). Expanding The Reach Of Vested Interest In Predicting Attitude-Consistent Behavior. *Social Influence*, 9(1), 20-36.
- Kamus Dewan dan Bahasa edisi keempat (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA, *Gema Online™ Journal of Language Studies Volume 10(3)*, 81-90.

- Mohamad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab Dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab, Kota Putra. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Mulyana, A., Hidayat, S., & Sholih, S. (2013). Hubungan Antara Persepsi, Minat, Dan Sikap Siswa Dengan Hasil Belajar Siswa Dalam Pembelajaran PKn. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 19(3), 315-330.
- Suharyat, Y. (2012). Hubungan Antara Sikap, Minat dan Perilaku Manusia. *Jurnal FKIP: REGION*, 2(1). 134-147.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2013). *Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*. Procedia Social and Behavioral Science.